

20 MAY 1996

Malaysia-dasar

DASAR PERSYARIKATAN M'SIA MENJADIKANNYA ANTARA PELABUR UTAMA DI VIETNAM

HAIPHONG (Vietnam), 20 Mei (Bernama) -- Dasar persyarikatan Malaysia beserta sokongan kuat kerajaan Vietnam telah mempengaruhi kedudukan Malaysia sebagai antara 10 pelabur terbesar di Vietnam, kata Duta Malaysia, Cheah Sam Kip hari ini.

Dasar itu telah membuka ruang kepada sektor swasta Malaysia dan kerajaan Malaysia mengadakan usahasama menggalak dan meningkatkan kepentingan ekonomi Malaysia di dalam negeri dan di peringkat antarabangsa.

Semasa berucap merasmikan cawangan keempat VID-Public Bank di sini, Cheah berkata usahasama perbankan Vietnam-Malaysia itu yang ditubuhkan empat tahun lepas juga merupakan komitmen Malaysia terhadap dasar itu.

Yang turut hadir Timbalan Gabenor Bank Negara Vietnam, Do Que Luong, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Rakyat Haiphong, Do Gia Pach, Pengerusi Public Bank, Tan Sri Thong Yaw Hong dan Presiden/Ketua eksekutifnya, Tan Sri Teh Hong Piow.

Cheah berkata kerajaan Malaysia sungguh menghargai pembukaan cawangan ke empat bank itu kerana "memang dasarnya menggalakkan sektor swasta Malaysia membuat pelaburan di luar negeri".

Kata beliau lawatan kedua Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir ke Vietnam Mac lepas, yang tujuan besarnya mencari peluang-peluang perniagaan dan pelaburan Malaysia, menggariskan komitmen Malaysia mempertingkatkan kedudukan ekonominya di Vietnam.

Sehingga tahun lepas Malaysia menduduki tempat ke tujuh antara pelabur-pelabur terbesar di Vietnam dengan projek-projek dalam bidang perbankan, pengilangan, petroleum (huluan dan hiliran), prasarana dan pelancongan, antara lain, dengan nilai AS\$840 juta (RM2,100 juta).

Cheah berkata kerajaan Malaysia berharap kejayaan VID-Public Bank itu akan memberi inspirasi kepada lebih ramai lagi peniaga Malaysia melabur di Vietnam untuk memperkukuhkan lagi hubungan perdagangan antara dua negara ini.

Setahun selepas Dr Mahathir merasmikan VID-Public Bank di Hanoi semasa lawatan pertama beliau ke Vietnam tahun 1992, bank itu telah membuka cawangan pertamanya di Bandaraya Ho Chi Minh City, iaitu pusat perdagangan selatan Vietnam, dan pada tahun 1994 cawangan ketiga dibuka di Danang, Vietnam tengah.

Haiphong, 103km ke utara Hanoi dan pelabuhan terbesar di utara Vietnam dengan hubungan keretapi ke China selatan, adalah sebahagian dari rantau tiga segi ekonomi yang sekarang pesat memajukan industri eksport.

Dalam ucapan beliau, Thong berkata kelulusan untuk membuka cawangan ke empat itu akan menjadi satu motivasi yang kuat kepada bank itu ke arah mencapai misi korporatnya menjadi "institusi kewangan yang paling cekap, menguntungkan dan dihormati di Vietnam".

VID-Public Bank, iaitu satu usahasama antara Bank Pelaburan dan Pembangunan Vietnam dengan bank yang ketiga terbesar di Malaysia itu dari segi aset, telah disenaraikan sebagai antara lima bank asing yang terbaik dari segi prestasi untuk dua tahun berturut-turut bagi tahun 1994 dan 1995.

Tahun lepas ia mencatatkan keuntungan sebelum dicukai berjumlah AS\$2.57 juta (RM6.42 juta), pertambahan hampir 145 peratus dari keuntungan bagi tahun 1994, iaitu sebanyak AS\$1.05 juta (RM2.62 juta).

Dalam ucapan beliau, pengerusi VID-Public Bank, Nguyen Van Doan berkata bank itu merupakan bank yang paling menguntungkan dan bank dengan kepentingan asing yang mempunyai cawangan yang terbanyak di Vietnam.

Tahun lepas Bank Negara Vietnam telah membenarkannya menambah modal yang dibenarkan dari AS\$10 juta ke AS\$15 juta (RM25 juta ke RM37.5 juta).

-- BERNAMA

RN WAT AHH